

Ibu pejabat wilayah BMW

11 MAR 2007
Daripada HAMZAH SIDEK

BERLIN 21 Mac — Bavarian Motor Works (BMW) pembuat kereta mewah Jerman yang tertukma akan membuka ibu pejabat bagi wilayah Asia di Cyberjaya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

BMW juga mengesahkan kepada Perdana Menteri hasrat untuk menggunakan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor bagi operasi pengedaran barangan gantiannya.

Keputusan muktamad mengenai rancangan BMW itu dibuat hasil lawatan Perdana Menteri ke Jerman bagi menarik pelaburan dari negara tersebut terutama di bidang automobil dan teknologi maklumat komputer (ICT).

Dengan keputusan tersebut, Malaysia akan menjadi pusat wilayah BMW yang ketiga selain Munich bagi wilayah Eropah dan sebuah lagi di Amerika Syarikat.

Selain mengeluarkan kereta BMW, syarikat tersebut akan mengeluarkan model terbaru Roll Royce setelah mengambilalih syarikat pembuat kereta diraja Britain itu beberapa tahun lalu.

Kedatangan BMW diharap akan membantu Malaysia dalam mencapai matlamatnya untuk menjadi salah sebuah pusat industri automobil di Asia Tenggara.

Di samping mengeluarkan kereta nasional Proton dan Perodua, Malaysia membuat pelbagai komponen kereta.

Malaysia mengeksport komponen kereta bernilai RM118.5 bilion pada tahun lalu tetapi jumlah import lebih besar iaitu sebanyak RM131.8 bilion dalam tempoh yang sama.

Jerman yang terkenal sebagai

pembuat kereta-kereta mewah, popular dan berprestij seperti BMW, Mercedes dan Audi juga mengeluarkan pelbagai komponen automobil termasuk modul elektronik, sistem pandu arah, sistem pengurusan enjin, sistem teknologi bestari dan sistem keselamatan kenderaan.

Dalam ucapannya kepada ahli-ahli perniagaan Jerman semasa lawatannya, Dr. Mahathir mengajak mereka menjadikan Malaysia sebagai pintu niasuk ke pasaran ASEAN.

Sctakat ini tiga syarikat gergasi Jerman — Siemens, BFF dan Deutsche Bank — telah beroperasi secara besar di Malaysia.

Difahamkan BMW memilih Malaysia untuk menjadi pusat operasi wilayah bagi Asia kerana kedudukannya yang strategik di Asia Tenggara, mempunyai kerajaan yang mesra industri serta perkhidmatan sokongan yang efisien dan kos pengeluaran yang berdaya saing.

Dr. Mahathir memberitahu para wartawan Malaysia pada akhir lawatannya ke Jerman, pelawaan kepada syarikat-syarikat ICT supaya melabur di Malaysia juga mendapat reaksi yang positif.

Beliau berlepas ke Poland hari ini untuk lawatan rasmi ketiga, selepas Rusia dan Jerman.

Selain menemui para pemimpin kerajaan termasuk Canselor Gerhard Schroeder, beliau juga mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan, ahli-ahli politik serta berdialog dengan tokoh-tokoh pemikir Jerman.

Kata Dr. Mahathir, dalam pertemuan dengan Schroeder, beliau mengemukakan hasrat Malaysia untuk menjalin kerjasama yang lebih aktif dengan universiti-universiti teknologi Jerman.

Menurutnya, universiti-universiti itu boleh melibatkan diri dalam in-

dustri pendidikan di Malaysia sama ada secara berkembar atau membuka kampus cawangan.

Schroeder menyerahkan kepada kerajaan Malaysia untuk berunding secara terus dengan kerajaan-kerajaan negeri di Jerman kerana mengikut undang-undang, mereka lebih berkuasa daripada kerajaan pusat Jerman dalam hal-ehwal pendidikan.

Pemimpin Jerman itu juga mengesyorkan pihak swasta di Malaysia mencubuhkan institusi pendidikan dengan menggunakan kaedah pengajaran di Jerman yang memberi keutamaan kepada latihan amali seimbang dengan pengajian akademik.

Perdana Menteri pada akhir lawatannya semalam juga mengadakan dialog kira-kira satu setengah jam dengan para cendekiawan Jerman di Institut Penyelidikan SWP, sebuah institut pemikir yang paling berpengaruh di negara ini.

Dialog dengan tokoh-tokoh politik, akademik dan media itu memberi peluang kepada beliau untuk bertukar-tukar pandangan secara berterus terang dengan mereka mengenai pelbagai perkara termasuk globalisasi, Islam dan keganasan.

Dalam lawatannya ke Jerman bersama isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, beliau diiringi oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohd. Khir Toyo dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd. Ali Rastam. — *Utusan*

di Cyberjaya